


UNDANG2 DIDAFAR MENURUT  
SIJIL BIL : PPM/SEL 1429/89 J/ 6. (14)  
TARIKH : *[Signature]*  
PENDAFTAR PERTUBUHAN  
MALAYSIA



**PARTI KEADILAN RAKYAT**

# Perlembagaan PARTI KEADILAN RAKYAT

Mengandungi semua pindaan yang dilulus dan disahkan oleh Kongres Nasional Khas hingga 15 Disember 2024 dan diluluskan Pendaftar Pertubuhan hingga 11 Mac 2025.



# PERLEMBAGAAN

## PARTI KEADILAN RAKYAT

### KANDUNGAN

FASAL		MUKASURAT
<b>BAHAGIAN I</b>		
FASAL 1 :	NAMA DAN FUNGSI	1
FASAL 2 :	PEJABAT BERDAFTAR	1
FASAL 3 :	COGAN PERJUANGAN	1
FASAL 4 :	BENDERA DAN LAMBANG	1
<b>BAHAGIAN II</b>		
FASAL 5 :	TUJUAN DAN MATLAMAT PERJUANGAN	2
<b>BAHAGIAN III</b>		
<b>KEANGGOTAAN</b>		
FASAL 6 :	JENIS DAN KELAYAKAN KEANGGOTAAN	4
FASAL 7 :	PERMOHONAN KEANGGOTAAN	4
FASAL 8 :	HAK DAN KEWAJIPAN ANGGOTA	4
FASAL 9 :	PERLUCUTAN KEANGGOTAAN	4
FASAL 10 :	YURAN KEANGGOTAAN	5
<b>BAHAGIAN IV</b>		
<b>IBU PEJABAT DAN PENTADBIRAN PARTI</b>		
FASAL 11 :	IBU PEJABAT	5
FASAL 12 :	DAFTAR ANGGOTA	5
<b>BAHAGIAN V</b>		
<b>KEWANGAN DAN HARTA BENDA</b>		
FASAL 13 :	PUNCA PENDAPATAN	6
FASAL 14 :	CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG PARTI	6
FASAL 15 :	HARTA BENDA ALIH DAN TAK ALIH	6
FASAL 16 :	PEMERIKSAAN KIRA-KIRA	7
<b>BAHAGIAN VI</b>		
<b>KONGRES NASIONAL</b>		
FASAL 17 :	KUASA DAN KEHADIRAN KONGRES NASIONAL	7
FASAL 18 :	KONGRES NASIONAL TAHUNAN	9
FASAL 19 :	KONGRES NASIONAL KHAS	10
FASAL 20 :	KORUM KONGRES NASIONAL	10
<b>BAHAGIAN VII</b>		
<b>MAJLIS PIMPINAN PUSAT</b>		
FASAL 21 :	KOMPOSISI MAJLIS PIMPINAN PUSAT	10
FASAL 22 :	MESYUARAT MAJLIS PIMPINAN PUSAT	12
FASAL 23 :	KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS PIMPINAN PUSAT	12
FASAL 24 :	BIRO POLITIK	12



# KANDUNGAN

FASAL		MUKASURAT
<b>BAHAGIAN VIII SAYAP-SAYAP PARTI</b>		
FASAL 25 :	ANGKATAN MUDA	13
FASAL 26 :	WANITA	13
<b>BAHAGIAN IX MAJLIS PIMPINAN NEGERI</b>		
FASAL 27 :	KOMPOSISI MAJLIS PIMPINAN NEGERI	13
FASAL 28 :	MESYUARAT MAJLIS PIMPINAN NEGERI	14
FASAL 29 :	KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS PIMPINAN NEGERI	14
FASAL 30 :	KONVENSyen NEGERI	15
FASAL 31 :	PEJABAT MAJLIS PIMPINAN NEGERI	16
<b>BAHAGIAN X CABANG</b>		
FASAL 32 :	PENUBUHAN CABANG	16
FASAL 33 :	KUASA DAN KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG CABANG	16
FASAL 34 :	MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CABANG	16
FASAL 35 :	MESYUARAT AGUNG KHAS CABANG	16
FASAL 36 :	KORUM MESYUARAT AGUNG CABANG	17
FASAL 37 :	KOMPOSISI JAWATANKUASA CABANG	17
FASAL 38 :	MESYUARAT JAWATANKUASA CABANG	18
FASAL 39 :	KUASA DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CABANG	18
FASAL 40 :	PEJABAT CABANG	19
<b>BAHAGIAN XI DISIPLIN PARTI</b>		
FASAL 41 :	LEMBAGA DISIPLIN	19
FASAL 42 :	RAYUAN	20
FASAL 43 :	PERATURAN, TATACARA, GARIS PANDUAN DAN TATAETIKA ANGGOTA BERHUBUNG DISIPLIN PARTI	20
FASAL 44 :	LARANGAN MEMBAWA PERKARA PARTI KE MAHKAMAH	20
<b>BAHAGIAN XII PERUNTUKAN AM</b>		
FASAL 45 :	PERLANTIKAN DAN PERLUCUTAN JAWATAN	20
FASAL 46 :	PERATURAN PERSIDANGAN DAN MESYUARAT	20
FASAL 47 :	PEMILIHAN PARTI	21
FASAL 48 :	MEMINDA PERLEMBAGAAN	21
FASAL 49 :	TAFSIRAN	22
FASAL 50 :	PEMBUBARAN PARTI	22



# PERLEMBAGAAN PARTI KEADILAN RAKYAT

## BAHAGIAN I

### FASAL 1 : NAMA DAN FUNGSI

- 1.1. Pertubuhan ini dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat atau ringkasnya KEADILAN yang selepas ini disebut sebagai "Parti".
- 1.2. Kongres Nasional adalah badan tertinggi dalam Parti dengan kuasa untuk menentukan perjalanan dan arah parti.
- 1.3. Di antara Kongres Nasional Tahunan, Majlis Pimpinan Pusat adalah badan yang tertinggi dalam parti untuk membuat semua keputusan dan menentukan perjalanan dan arah parti, tertakluk kepada perintah dan arahan Kongres Nasional.
- 1.4. Presiden adalah pegawai utama Parti dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan perjalanan Parti.
- 1.5. Majlis Pimpinan Negeri adalah badan tertinggi dan pentadbir jentera Parti di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan seluruh Malaysia.
- 1.6. Cabang adalah badan tertinggi dan pentadbir Parti dalam satu-satu kawasan Pilihanraya Parlimen.

### FASAL 2 : PEJABAT BERDAFTAR

- 2.1. Pejabat berdaftar Parti yang selepas ini disebut sebagai "Ibu Pejabat" ialah di:

A-1-09, Merchant Square  
Jalan Tropicana Selatan I  
47401 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis Pimpinan Pusat dari masa ke semasa yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

### FASAL 3 : COGAN PERJUANGAN


- 3.1. Cogan perjuangan Parti ialah:

Keadilan Untuk Semua

### FASAL 4 : BENDERA DAN LAMBANG

- 4.1. Bendera Parti berupa segi empat tidak sama yang berwarna biru langit (*sky blue*) beserta lajur warna merah di kiri dan kanan. Di tengah-tengah segi empat terdapat sfera berwarna putih dan di tengah-tengah sfera itu terdapat satu bulatan penuh yang berwarna biru langit membentuk lambang mata yang terbuka.






Mata yang terbuka adalah cahaya yang menyuluh perjuangan untuk menegakkan keadilan. Mata yang terbuka mencerminkan mata hati nurani yang mendorong Parti untuk mencapai perubahan ke arah kebenaran dan keadilan.

Lajur merah di kiri dan kanan segi empat tidak sama melambangkan keberanian dan komitmen memperjuangkan kebenaran dan keadilan.

- 4.2. Lambang Parti juga adalah sama seperti bendera; dan ditambah dengan perkataan Parti Keadilan Rakyat di bawahnya.



**PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 4.3. Ukuran dan warna bendera dan lambang parti adalah seperti dicerminkan di Lampiran A di sini.

## **BAHAGIAN II**

### **FASAL 5 : TUJUAN DAN MATLAMAT PERJUANGAN**

- 5.1. Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik yang progresif serta bersatu.
- 5.2. Menghormati sistem Raja Berperlembagaan, memperkukuh Demokrasi Berparlimen, dan mendukung hak serta kuasa rakyat, dan berusaha untuk memantapkan sistem politik negara yang sesuai dengan kehendak serta kepentingan rakyat.
- 5.3. Menegakkan kedaulatan undang-undang yang adil, media massa serta kehakiman yang bebas, dan pasukan keselamatan yang mendukung prinsip-prinsip profesionalisme.
- 5.4. Menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua.
- 5.5. Menghayati Islam sebagai agama Persekutuan sambil memastikan bahawa hak masyarakat bukan Islam mengamalkan agama atau kepercayaan masing-masing terus terjamin dan menggalakkan peranan agama serta nilai-nilai sejagat untuk menegakkan kebenaran, keadilan, ketinggian akhlak, pembangunan insan dan martabat manusia.

- 5.6. Mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, disamping menjamin hak rakyat mengguna, mempelajari dan mendapat pendidikan dalam bahasa-bahasa lain; dan menggalak perkembangan kebudayaan serta kesenian Malaysia, berasaskan unsur-unsur unggul daripada semua warisan peradaban yang wujud di negara ini.
- 5.7. Mengukuhkan sistem pemerintahan Persekutuan yang adil, bertanggungjawab serta demokratik dalam mengimbangi kepentingan negeri-negeri dengan kekuasaan kerajaan Pusat.
- 5.8. Menjunjung setia semangat kerjasama dan perkongsian kuasa secara adil di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dengan memperkasakan kedudukan politik dan ekonomi yang saksama mengikut kerangka Perjanjian Malaysia tahun 1963.
- 5.9. Mempertingkatkan kemuliaan insan, nilai keehsanan serta budaya ikram, menegakkan hak asasi manusia, dan berpegang teguh kepada prinsip intergriti dan akauntabiliti dalam bidang ekonomi, politik dan pentadbiran.
- 5.10. Melaksanakan ekonomi yang adil serta dinamik, yang mengutamakan pertumbuhan serta pengagihan yang adil, dan bebas daripada penindasan, kecurangan serta pembaziran, disamping mengatasi kemiskinan dan mencegah penumpuan kekayaan.
- 5.11. Berasaskan prinsip keadilan, memastikan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputra Sabah dan Sarawak digunakan khusus untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka yang miskin dan terbiar, serta pembelaan yang adil bagi golongan bukan Melayu dan bukan Bumiputra yang miskin dan terbiar, demi mencapai kesaksamaan untuk perpaduan nasional.
- 5.12. Menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan awam yang bermutu dengan bayaran yang berpatutan sebagai tanggungjawab sosial pemerintah, terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.
- 5.13. Memperjuangkan serta menjamin hak bekerja, upahan yang adil, keselamatan di tempat kerja dan mutu kehidupan yang baik untuk setiap orang.
- 5.14. Mengiktiraf martabat dan peranan wanita sebagai tonggak dan penggerak masyarakat, menghayati falsafah hormat wanita, memastikan wanita bebas daripada diskriminasi dan eksploitasi, mengupayakan wanita untuk mencapai kesaksamaan dalam kepimpinan dan membuat keputusan dengan sekurang-kurangnya penglibatan tiga puluh peratus, demi memastikan hak serta kepentingan mereka terpelihara.
- 5.15. Memperjuangkan hak dan pengembangan potensi belia dan remaja serta menjamin peranan yang bermakna bagi mereka dalam semua bidang kehidupan.
- 5.16. Meningkatkan mutu hidup Orang Asal di samping menghormati Adat mereka, menyediakan rancangan pembangunan yang sesuai setelah berunding dengan mereka, dan melindungi hak mereka ke atas Tanah Adat.
- 5.17. Melindungi alam semulajadi daripada pemusnahan; mencegah perosakan serta meningkatkan mutu alam sekitar dan memastikan pembangunan yang mapan.
- 5.18. Menegakkan sistem antarabangsa baru yang adil serta demokratik, melaksanakan dasar luar yang bebas serta beretika, menyediakan persekitaran yang sesuai untuk melahirkan masyarakat berilmu yang dapat menghadapi cabaran globalisasi yang mengancam kepentingan negara, rakyat dan manusia sejagat dan seterusnya melindungi ekonomi, politik serta keselamatan negara daripada kuasa-kuasa besar dunia.



## **BAHAGIAN III KEANGGOTAAN**

### **FASAL 6 : JENIS DAN KELAYAKAN KEANGGOTAAN**

- 6.1. Parti terdapat dua (2) jenis keanggotaan, iaitu:
  - a) Anggota Biasa; dan
  - b) Anggota Seumur Hidup
- 6.2. Mana-mana warganegara Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun ke atas adalah layak menjadi Anggota Biasa.
- 6.3. Anggota Parti yang telah menjelaskan Yuran Keanggotaan Seumur Hidup sebanyak Tiga Ratus Ringgit (RM300.00) secara sekaligus adalah menjadi Anggota Seumur Hidup.
- 6.4. Anggota Biasa yang mahu menukar tarafnya kepada Anggota Seumur Hidup hanya perlu menjelaskan Yuran Keanggotaan Seumur Hidup.

### **FASAL 7 : PERMOHONAN KEANGGOTAAN**

- 7.1. Permohonan keanggotaan hendaklah diluluskan oleh Majlis Pimpinan Pusat. Tarikh kelulusan oleh Majlis Pimpinan Pusat adalah tarikh mula menjadi anggota Parti.
- 7.2. Kaedah permohonan menjadi anggota Parti adalah seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Permohonan Keanggotaan yang diluluskan oleh Majlis Pimpinan Pusat.

### **FASAL 8 : HAK DAN KEWAJIPAN ANGGOTA**

- 8.1. Hak seseorang anggota adalah:
  - a) Tertakluk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan ini atau peraturan yang diluluskan oleh Majlis Pimpinan Pusat, setiap anggota berhak bersuara, mengundi dan diundi, memilih dan dipilih atau dilantik untuk sebarang jawatan dalam Parti tetapi hak mengundinya itu tidaklah boleh diwakilkan kepada sesiapa jua pun.
  - b) Mana-mana anggota yang sedang digantung keanggotaannya hilang haknya seperti dalam Fasal 8.1(a) sehingga statusnya dipulihkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
  - c) Seseorang anggota dibenarkan bertukar Cabang dengan mengemukakan permohonan kepada Ibu Pejabat.
- 8.2. Kewajipan setiap anggota ialah memegang teguh tujuan dan matlamat Parti dan mematuhi segala perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini.

### **FASAL 9 : PERLUCUTAN KEANGGOTAAN**

- 9.1. Perlucutan keanggotaan adalah seperti berikut:
  - a) Permintaan anggota itu sendiri.
  - b) Tergugur menurut Fasal 44.
  - c) Dengan pengisytiharan anggota itu sendiri bahawa beliau keluar Parti.



- d) Dipecat oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- e) Keputusan memecat keanggotaan mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dengan persetujuan dua per tiga (2/3) dari jumlah Ahli Majlis Pimpinan Pusat.

#### **FASAL 10 : YURAN KEANGGOTAAN**

- 10.1. Yuran Tahunan Keanggotaan adalah sebanyak Dua Ringgit (RM2.00) hendaklah dijelaskan kepada Ibu Pejabat melalui Bendahari Cabang atau mana-mana pihak yang dibenarkan oleh Majlis Pimpinan Pusat sebelum atau pada tarikh mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cabang, atau pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Majlis Pimpinan Pusat. Anggota Seumur Hidup adalah dikecualikan daripada menjelaskan yuran ini.
- 10.2. Yuran Keanggotaan Seumur Hidup sebanyak Tiga Ratus Ringgit (RM300.00) seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6.3 dan Fasal 6.4 hendaklah dijelaskan terus kepada Ibu Pejabat.

### **BAHAGIAN IV**

#### **IBU PEJABAT DAN PENTADBIRAN PARTI**

##### **FASAL 11 : IBU PEJABAT**

- 11.1. Ibu Pejabat hendaklah menjadi tempat rasmi bagi segala urusan Parti.
- 11.2. Setiausaha Agung adalah Pegawai Utama mentadbir Ibu Pejabat.
- 11.3. Presiden boleh melantik sehingga empat (4) orang Timbalan Setiausaha Agung untuk membantu Setiausaha Agung bagi menyempurnakan pentadbiran dan pengurusan Parti.
- 11.4. Presiden boleh melantik seorang (1) orang Timbalan Bendahari Agung untuk membantu Bendahari Agung bagi menyempurnakan hal-ehwal kewangan Parti.
- 11.5. Biro Politik berkuasa membuat peraturan-peraturan dari masa ke semasa yang pada pendapatnya adalah perlu dan sesuai untuk pentadbiran, pengurusan dan kawalan Ibu Pejabat.

##### **FASAL 12 : DAFTAR ANGGOTA**

- 12.1. Setiausaha Agung hendaklah memastikan adanya Daftar Anggota disimpan di Ibu Pejabat dan Setiausaha Cabang hendaklah memastikan adanya Daftar Anggota Cabang yang disahkan oleh Ibu Pejabat disimpan di Pejabat Cabang untuk kegunaan segala urusan Parti.
- 12.2. Setiausaha Agung berkuasa membuat sebarang aturan dan peraturan berkenaan dengan sistem rekod keanggotaan ini.
- 12.3. Semua rekod keanggotaan akan disimpan oleh Setiausaha Agung di Ibu Pejabat Parti dan ianya akan digunapakai dalam segala urusan rasmi Parti. Status rekod keanggotaan semasa yang disahkan oleh Setiausaha Agung adalah rekod keanggotaan yang rasmi dan muktamad.





## **BAHAGIAN V**

### **KEWANGAN DAN HARTA BENDA**

#### **FASAL 13 : PUNCA PENDAPATAN**

- 13.1. Kewangan Parti adalah diperolehi daripada:
- a) Yuran Keanggotaan.
  - b) Derma daripada anggota-anggota.
  - c) Pendapatan lain di semua peringkat yang tidak bertentangan dengan dasar dan peraturan Parti.

#### **FASAL 14 : CARA MENYIMPAN DAN MENGGUNAKAN WANG PARTI**

- 14.1. Tertakluk kepada Perlembagaan ini atau sebarang peraturan yang dibuat oleh Majlis Pimpinan Pusat berkenaan kewangan Parti di semua peringkat, Majlis Pimpinan Negeri dan Jawatankuasa Cabang boleh menentukan cara-cara mengutip, menyimpan dan menggunakan wang Parti di peringkat masing-masing.
- 14.2. Wang parti hendaklah disimpan dalam Bank, kecuali wang tunai dalam tangan Bendahari semua peringkat Parti mengikut jumlah yang dibenarkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 14.3. Semua pembukaan dan penutupan akaun bank yang dibuat oleh semua peringkat Parti hendaklah dimaklumkan serta merta secara bertulis kepada Bendahari Agung.
- 14.4. Cek-cek dan dokumen-dokumen mengeluarkan wang daripada bank hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemegang jawatan utama di peringkat masing-masing.
- 14.5. Majlis Pimpinan Pusat berhak dan berkuasa ke atas semua wang dan harta benda di semua peringkat Parti, termasuk yang telah dibubarkan yang dianggap sebagai harta parti.
- 14.6. Tahun kewangan Parti adalah satu (01) haribulan Januari hingga tiga puluh satu (31) haribulan Disember.

#### **FASAL 15 : HARTA BENDA ALIH DAN TAK ALIH**

- 15.1. Parti boleh memiliki harta benda, sama ada harta benda tetap atau tidak tetap dan boleh melabur di mana-mana yang difikirkan sesuai oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 15.2. Tiap-tiap harta Parti yang tak alih berupa tanah dan bangunan kepunyaan Ibu Pejabat hendaklah didaftarkan atas nama Parti atau orang yang diamanahkan. Harta tak alih kepunyaan Negeri, Cabang dan semua peringkat Parti hendaklah didaftarkan atas nama masing-masing atau orang yang diamanahkan di peringkat masing-masing.
- 15.3. Tiap-tiap harta alih hendaklah dipegang dan didaftarkan atas nama Pemegang Amanah. Majlis Pimpinan Pusat dan Jawatankuasa di peringkat-peringkat lain boleh melantik mana-mana anggota atau syarikat sebagai Pemegang Amanah dan mereka boleh diberhentikan pada bila-bila masa.
- 15.4. Kuasa untuk membeli, mencagar, menjual, memindah, memajak atau menyewa harta berupa tanah dan bangunan atau melabur adalah terletak kepada Majlis Pimpinan Pusat. Majlis Pimpinan Negeri dan Jawatankuasa Cabang juga mempunyai kuasa yang sama di peringkat masing-masing, dengan syarat dipersetujui oleh Majlis Pimpinan Pusat.



- 15.5. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa membuat apa-apa peraturan untuk melaksanakan tujuan dalam Fasal 15 ini dan untuk memindahkan nama pemilik berdaftar bagi harta tersebut kepada pihak-pihak yang diberi kuasa memilikinya oleh Fasal 15.2.

#### **FASAL 16 : PEMERIKSAAN KIRA-KIRA**

- 16.1. Kongres Nasional hendaklah memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah melantik Pemeriksa Kira-kira yang baru sekiranya Pemeriksa Kira-kira yang dipilih dalam Kongres Nasional berhenti dan akan memegang jawatan sehingga Pemeriksa Kira-kira yang baru dipilih oleh Kongres Nasional yang berikutnya.
- 16.2. Mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri hendaklah melantik dua (2) orang yang menjadi Pemeriksa Kira-Kira di peringkat Majlis Pimpinan Negeri. Sekiranya Pemeriksa Kira-kira berhenti atau diberhentikan, Majlis Pimpinan Negeri hendaklah melantik Pemeriksa Kira-kira yang baru.
- 16.3. Mesyuarat Agung Cabang-cabang hendaklah memilih dua (2) orang menjadi Pemeriksa Kira-kira bagi memeriksa kira-kira Parti di peringkat Cabang. Jawatankuasa Cabang hendaklah melantik Pemeriksa Kira-kira yang baru sekiranya Pemeriksa Kira-kira yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Cabang berhenti dan akan memegang jawatan sehingga Pemeriksa Kira-kira yang baru dipilih oleh Mesyuarat Agung Cabang yang berikutnya.
- 16.4. Pemeriksa Kira-kira di semua peringkat Parti tidak boleh dilantik atau dipilih dari kalangan anggota yang memegang jawatan di peringkat masing-masing.
- 16.5. Pemeriksa Kira-kira di semua peringkat Parti boleh melantik sebuah syarikat pemeriksa kira-kira dengan persetujuan Majlis Pimpinan Pusat.
- 16.6. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta Majlis Pimpinan Negeri, Cabang dan semua peringkat Parti.
- 16.7. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa membuat sebarang peraturan mengenai wang dan harta Negeri, Cabang dan semua peringkat Parti.

### **BAHAGIAN VI KONGRES NASIONAL**

#### **FASAL 17 : KUASA DAN KEHADIRAN KONGRES NASIONAL**

- 17.1. Kongres Nasional adalah badan kuasa tertinggi Parti manakala fungsi eksekutif Parti hendaklah dilaksanakan oleh Majlis Pimpinan Pusat, tertakluk kepada Perlembagaan ini.
- 17.2. Kehadiran dalam Kongres Nasional untuk tahun tidak ada pemilihan parti hendaklah terdiri daripada:
- a) Seorang (1) Pengerusi Tetap dan seorang (1) Timbalan Pengerusi Tetap;
  - b) Ahli-ahli Majlis Pimpinan Pusat seperti yang dinyatakan di dalam Fasal 21.3;
  - c) Ketua Cabang, Timbalan Ketua Cabang, tiga (3) orang Naib Ketua Cabang, Ketua Angkatan Muda Cabang, Ketua Wanita Cabang, dan lima orang wakil yang dipilih sebagai perwakilan oleh Mesyuarat Agung Cabang;
  - d) Lima puluh (50) orang perwakilan Angkatan Muda dan lima puluh (50) orang perwakilan Wanita yang dipilih dalam Kongres Nasional masing-masing;



e) Anggota Parti yang menjadi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

17.2A Kehadiran dalam Kongres Nasional untuk tahun yang ada Pemilihan Parti hendaklah terdiri daripada:

- Ruj Bil. 14  
Bth : 11/03/25
- (a) Seorang (1) Pengerusi Tetap dan seorang (1) Timbalan Pengerusi Tetap;
  - (b) Ahli-Ahli Majlis Pimpinan Pusat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 21.3;
  - (c) Perwakilan daripada setiap Cabang terdiri daripada yang berikut:
    - i) Empat puluh enam (46) anggota Cabang yang dipilih mengikut Fasal 37.4 dan Fasal 37.5 dalam Pemilihan Cabang sebagai ahli jawatankuasa Cabang (“Perwakilan Jawatankuasa Cabang”) seperti yang berikut:
      - Cabang: Ketua Cabang, Timbalan Ketua Cabang, satu (1) Naib Ketua Cabang dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Cabang;
      - Angkatan Muda (“AMK”) Cabang: Ketua AMK Cabang, Timbalan Ketua AMK Cabang, satu (1) orang Naib Ketua AMK Cabang dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa AMK Cabang;
      - Wanita Cabang: Ketua Wanita Cabang, Timbalan Ketua Wanita Cabang, satu (1) orang Naib Ketua Wanita Cabang dan tujuh (7) Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang.

Perwakilan Jawatankuasa Cabang akan hadir secara fizikal di Kongres Nasional dan mengundi disitu.

- ii) Empat puluh (40) anggota biasa yang dipilih sebagai perwakilan biasa Cabang (“Perwakilan Biasa Cabang”) mengikut Fasal 17.2B. Perwakilan Biasa Cabang tidak akan hadir Kongres Nasional dan akan mengundi Presiden, Timbalan Presiden, empat (4) Naib Presiden dan dua puluh (20) Ahli Majlis Pimpinan yang dinyatakan dalam Fasal 21.4 secara dalam talian;
- iii) Setiap Cabang yang jumlah keanggotaannya melebihi tiga ribu (3,000) anggota akan mendapat pertambahan sepuluh (10) orang perwakilan untuk setiap satu ribu (1,000) anggota yang melebihi tiga ribu (3,000) anggota sehingga maksimum seratus lima puluh enam (156) orang perwakilan (“Perwakilan Tambahan”) seperti yang berikut:
  - 3,001–4,000 anggota bertambah sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 4,001–5,000 anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 5,001–6,000 anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 6,001–7,000 anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 7,001–8,000 anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 8,001–9,000 anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;
  - 9,001–10,000 dan lebih anggota bertambah lagi sepuluh (10) Perwakilan Tambahan;

Perwakilan Tambahan dipilih mengikut Fasal 17.2B. Perwakilan Tambahan tidak akan hadir Kongres Nasional dan akan mengundi Presiden, Timbalan Presiden, empat (4) Naib



Presiden dan dua puluh (20) Ahli Majlis Pimpinan Pusat yang dinyatakan dalam Fasal 21.4 secara dalam talian;

- iv) Mana-mana anggota yang hendak dipilih sebagai Perwakilan menurut (c) i, ii) dan iii) hendaklah membayar Yuran Tahunan sepenuhnya sebelum Mesyuarat Agung Cabang diadakan.

Anggota Parti yang menjadi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri;

## **FASAL 17.2B : PEMILIHAN DAN KUASA PERWAKILAN BIASA CABANG DAN PERWAKILAN TAMBAHAN**

17.2B Perwakilan Biasa Cabang dan Perwakilan Tambahan akan dipilih oleh anggota Cabang di dalam Pemilihan Cabang mengikut Peraturan Pemilihan yang dikeluarkan oleh Majlis Pimpinan Pusat dibawah Fasal 47.5 dan syarat-syarat di bawah:

Ruj Bil. 14  
Bth : 11/03/25

- (a) Sebagai parti politik berbilang kaum dan untuk menetapkan perwakilan Cabang ke Kongres Nasional secara inklusif, MPP akan menetapkan kuota jantina dan kuota etnik minoriti dengan mengambil kira demografi jantina dan etnik minoriti di kawasan parlimen bagi Cabang tersebut. Demografi kawasan parlimen adalah seperti yang diperolehi daripada senarai;
- (b) pengundi-pengundi kawasan parlimen untuk Cabang tersebut yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya tidak lebih daripada enam (6) bulan sebelum tarikh pemilihan Cabang;
- (c) Tidak ada anggota yang layak untuk mengundi atau diundi sebagai Perwakilan Jawatankuasa Cabang, Perwakilan Biasa Cabang atau Perwakilan Tambahan selain anggota tersebut telah membayar sepenuhnya Yuran Tahunan dan status keanggotaannya adalah dalam kedudukan yang baik;
- (d) Hanya kategori yang dinyatakan dalam Fasal 17.2A (a); (b); (c)(i) dan (d) berhak melakukan perkara yang dinyatakan dalam Fasal 17.3. Perwakilan Biasa Cabang dan Perwakilan Tambahan selain daripada mengundi pimpinan yang terkandung di dalam Fasal 21.4 secara dalam talian tidak berhak melakukan perkara dalam Fasal 17.3.

17.3. Semua anggota yang dinyatakan dalam Fasal 17.2 yang telah mendaftar dan hadir adalah layak mengundi; dan boleh mengambil bahagian untuk membuat apa-apa keputusan di dalam Kongres Nasional. Mana-mana keputusan perlu diluluskan oleh majoriti mudah perwakilan yang hadir dan undi kecuali keputusan berkaitan dengan pindaan Perlembagaan ini yang perlu dibuat mengikut Fasal 48.

17.4. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Kongres Nasional pada tahun pemilihan Parti. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah terdiri daripada perwakilan menurut Fasal 17.2 dan layak bertanding sekiranya beliau hadir dan memperolehi dua (2) pencalonan daripada perwakilan yang hadir dalam Kongres Nasional itu.

17.5. Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah memegang jawatan sehingga Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap yang baru dipilih.

## **FASAL 18 : KONGRES NASIONAL TAHUNAN**

18.1. Kongres Nasional Tahunan hendaklah diadakan sekali dalam setahun pada bila-bila masa sebelum berakhir bulan Jun atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat dengan syarat tidak lewat daripada lapan belas (18) bulan dari tarikh Kongres Nasional Tahunan yang lalu.

18.2. Notis Kongres Nasional Tahunan hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Kongres Nasional Tahunan itu.



- 18.3. Jika Setiausaha Agung tidak mengeluarkan notis Kongres Nasional Tahunan itu, maka Presiden hendaklah mengeluarkan notis, dan jika Presiden tidak mengeluarkan notis, maka Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah mengeluarkan notis.

### **FASAL 19 : KONGRES NASIONAL KHAS**

- 19.1. Kongres Nasional Khas boleh diadakan apabila salah satu daripada sebab-sebab berikut:
- a) Kehendak Presiden;
  - b) Atas permintaan bertulis daripada tidak kurang dua pertiga (2/3) daripada Ahli-ahli Majlis Pimpinan Pusat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 21.3; atau
  - c) Dengan permintaan bersurat kepada Setiausaha Agung daripada satu pertiga (1/3) wakil Cabang-cabang yang layak ke Kongres Nasional.
- 19.2. Notis Kongres Nasional Khas hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Kongres Nasional Khas itu.
- 19.3. Jika Setiausaha Agung tidak mengeluarkan notis Kongres Nasional Khas itu dalam tempoh empat belas hari (14) hari selepas permohonan mengikut Fasal 19.1 diterima, maka Kongres Nasional Khas itu hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap dan jika Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap juga tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari daripada tarikh permohonan asal diterima; maka pihak yang memohon diadakan Kongres Nasional Khas itu boleh memanggil Kongres Nasional Khas tersebut.

### **FASAL 20 : KORUM KONGRES NASIONAL**

- 20.1. Korum Kongres Nasional adalah lima ratus (500) atau tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah anggota yang layak hadir mengikut mana yang terendah.

## **BAHAGIAN VII**

### **MAJLIS PIMPINAN PUSAT**

#### **FASAL 21 : KOMPOSISI MAJLIS PIMPINAN PUSAT**

- 21.1. Majlis Pimpinan Pusat adalah badan yang melaksanakan fungsi eksekutif Parti. Dengan tidak menjejaskan kuasa yang diberikan dalam Perlembagaan ini, dan tertakluk kepada Fasal 1.1, Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menentukan halatuju parti, dasar-dasar dan program-program Parti.
- 21.2. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Kongres Nasional di mana segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Kongres Nasional, kecuali keputusan meminda Perlembagaan ini.
- 21.3. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah terdiri daripada:
- a) Seorang (1) Presiden;
  - b) Seorang (1) Timbalan Presiden;
  - c) Sembilan (9) orang Naib Presiden termasuk Ketua Angkatan Muda dan Ketua Wanita.
  - d) Seorang (1) Setiausaha Agung;
  - e) Seorang (1) Bendahari Agung;



- f) Seorang (1) Ketua Penerangan;
  - g) Seorang (1) Ketua Setiausaha Pengelola;
  - h) Dua puluh tujuh (27) orang Ahli Majlis Pimpinan Pusat;
  - i) Seorang (1) Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri bagi setiap Negeri;
  - j) Seorang (1) Timbalan Ketua Angkatan Muda dan seorang (1) Timbalan Ketua Wanita.
- 21.4. Presiden, Timbalan Presiden, empat (4) Naib-Naib Presiden dan dua puluh (20) Ahli Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dipilih oleh anggota Parti melalui pemilihan Parti.
- 21.5. Ketua Angkatan Muda dan Timbalan Ketua Angkatan Muda hendaklah dipilih mengikut Peraturan Angkatan Muda.
- 21.6. Ketua Wanita dan Timbalan Ketua Wanita hendaklah dipilih mengikut Peraturan Wanita.
- 21.7. Tiga (3) orang Naib Presiden dengan sekurang-kurangnya seorang dari kalangan anggota bagi Negeri Sabah atau Sarawak, seorang (1) Setiausaha Agung, seorang (1) Bendahari Agung, seorang (1) Ketua Penerangan, seorang (1) Ketua Setiausaha Pengelola dari kalangan Ahli Pimpinan Pusat yang dipilih menurut Fasal 21.4, seorang (1) Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri bagi tiap-tiap Negeri, dan tujuh (7) orang Ahli Majlis Pimpinan Pusat, hendaklah dilantik oleh Presiden.
- 21.8. Pengerusi Majlis Pimpinan setiap Negeri hendaklah dilantik oleh Presiden setelah berunding dengan ketua-ketua Cabang di Negeri-negeri berkaitan.
- 21.9. Jawatan mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Pusat adalah tidak kosong disebabkan oleh seseorang anggota itu dilantik pegawai mengikut Fasal 21.7 dan Fasal 21.8.
- 21.10. Selain jika diperuntukkan oleh Perlembagaan ini, tempoh khidmat satu penggal bagi semua Ahli Majlis Pimpinan Pusat adalah tiga (3) tahun atau sehingga Majlis Pimpinan Pusat baru dipilih.
- 21.11. Seseorang itu tidak boleh memegang jawatan sebagai Presiden Parti melebihi selama tiga (3) penggal dan tempoh tersebut hendaklah diambil kira dari 29 April 2010.
- 21.12. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Presiden, maka Timbalan Presiden akan memenuhkan kekosongan itu.
- 21.13. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Timbalan Presiden, maka Majlis Pimpinan Pusat bolehlah melantik salah seorang dari Naib Presiden untuk memenuhkan kekosongan itu.
- 21.14. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Naib Presiden yang dipilih menurut Fasal 21.4, maka Majlis Pimpinan Pusat bolehlah melantik mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Pusat untuk memenuhkan kekosongan itu.
- 21.15. Jika dua pertiga (2/3) dan lebih Ahli-ahli Majlis Pimpinan Pusat meletak jawatan, maka Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap atau salah seorang Ahli Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dalam tempoh enam puluh (60) hari memanggil pemilihan Parti untuk memilih Majlis Pimpinan Pusat yang baru.
- 21.16. Mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Pusat yang mungkir menghadiri mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat sebanyak tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Majlis Pimpinan Pusat dan Majlis Pimpinan Pusat berhak menguatkuasakan Fasal ini.



**FASAL 22 : MESYUARAT MAJLIS PIMPINAN PUSAT**

- 22.1. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah mengadakan mesyuaratnya:
- a) Sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan; atau
  - b) Pada bila-bila masa atas kehendak Presiden; atau
  - c) Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) Ahli-ahli Majlis Pimpinan Pusat.
- 22.2. Notis mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat itu. Jika Setiausaha Agung tidak mengeluarkan notis, maka pihak yang memanggil mesyuarat hendaklah mengeluarkan notis.
- 22.3. Korum mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat adalah tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah Ahli Majlis Pimpinan Pusat.
- 22.4. Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat hendaklah dipengerusikan oleh Presiden, atau oleh Timbalan Presiden semasa ketiadaan Presiden, atau salah seorang Naib Presiden semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden. Semasa ketiadaan Presiden, Timbalan Presiden dan semua Naib Pengerusi, maka salah seorang daripada Ahli Majlis Pimpinan Pusat yang hadir itu boleh mempengerusikan mesyuarat.

**FASAL 23 : KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS PIMPINAN PUSAT**

- 23.1. Selain jika diperuntukkan dalam Perlembagaan ini dan dengan tidak menjejaskan kuasanya menurut Fasal 21.1, kuasa dan tanggungjawab Majlis Pimpinan Pusat adalah termasuk berikut:
- a) Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan lain atas hal-hal politik atau lain-lain yang sesuai dengan tujuan mengukuhkan Parti.
  - b) Memilih calon-calon bagi Pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, setelah mempertimbangkan cadangan daripada Majlis Pimpinan Negeri dan Cabang-cabang bagi negeri-negeri yang berkenaan.
  - c) Memutuskan calon-calon bagi jawatan-jawatan politik di peringkat Persekutuan dan menggubal peraturan atau garis panduan bagi perlantikan politik di peringkat Negeri.
  - d) Menjalankan urusan kewangan Parti seperti yang diperuntukkan Fasal 14 dan Fasal 15.
  - e) Menubuhkan Cabang dan unit-unit operasi di dalam Cabang yang dikenali sebagai Ranting.
  - f) Menubuhkan Biro, Jawatankuasa Tetap dan Ad-hoc, dan Lembaga bagi melaksanakan tugas atau aktiviti yang dianggap perlu dan menggubal segala peraturan dan undang-undang kecil mengenainya.
  - g) Mengambil sebarang langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan Parti.

**FASAL 24 : BIRO POLITIK**

- 24.1. Biro Politik adalah badan yang melaksanakan halatuju politik, dasar-dasar dan pengurusan parti tertakluk di bawah kekuasaan dan perintah Kongres Nasional dan Majlis Pimpinan Pusat sesuai dengan Fasal 21.1.





- 24.2. Biro Politik berkuasa menjalankan pentadbiran hal-ehwal harian Parti di bawah kekuasaan dan perintah Majlis Pimpinan Pusat di mana segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Pimpinan Pusat.
- 24.3. Biro Politik hendaklah terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan, Ketua Setiausaha Pengelola, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Sabah, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Sarawak dan tidak lebih daripada tujuh (7) orang ahli-ahli yang lain dilantik oleh Presiden.
- 24.4. Mesyuarat Biro Politik hendaklah dipanggil oleh Presiden pada bila-bila masa dalam tempoh masa yang munasabah.

## **BAHAGIAN VIII SAYAP-SAYAP PARTI**

### **FASAL 25 : ANGGKATAN MUDA**

- 25.1. Hendaklah ada satu sayap Angkatan Muda yang keanggotaannya terdiri daripada anggota belia Parti yang had umurnya tiga puluh lima (35) tahun.
- 25.2. Tertakluk kepada kelulusan Majlis Pimpinan Pusat, Angkatan Muda berkuasa membuat Peraturan Angkatan Muda untuk memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran organisasi Parti di peringkat sayap Angkatan Muda.

### **FASAL 26 : WANITA**

- 26.1. Hendaklah ada satu sayap Wanita yang keanggotaannya terdiri daripada anggota wanita Parti.
- 26.2. Tertakluk kepada kelulusan Majlis Pimpinan Pusat, sayap Wanita berkuasa membuat Peraturan Wanita untuk memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran organisasi Parti di peringkat sayap Wanita.

## **BAHAGIAN IX MAJLIS PIMPINAN NEGERI**

### **FASAL 27 : KOMPOSISI MAJLIS PIMPINAN NEGERI**

- 27.1. Majlis Pimpinan Negeri adalah badan yang menyelaras dan memantau segala usaha dan urusan untuk memperkukuh organisasi Cabang-cabang dalam sesebuah Negeri menurut arahan dan perintah Majlis Pimpinan Pusat di mana segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Pimpinan Pusat.
- 27.2. Majlis Pimpinan Negeri boleh ditubuhkan oleh Majlis Pimpinan Pusat di tiap-tiap Negeri. Semua Wilayah Persekutuan hendaklah dikira sebagai satu Negeri. Mana-mana Cabang yang ditubuhkan dalam mana-mana Wilayah Persekutuan adalah Cabang-cabang bagi Wilayah Persekutuan, kecuali Majlis Pimpinan Pusat memutuskan sebaliknya.
- 27.3. Majlis Pimpinan Negeri terdiri daripada:
- a) Seorang (1) Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri;
  - b) Seorang (1) Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri;
  - c) Lima (5) orang Naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri termasuk Ketua Angkatan Muda Negeri dan Ketua Wanita Negeri;





- d) Seorang (1) Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri;
- e) Seorang (1) Bendahari Majlis Pimpinan Negeri;
- f) Seorang (1) Ketua Penerangan Negeri;
- g) Seorang (1) Setiausaha Pengelola Negeri;
- h) Seorang (1) Timbalan Ketua Angkatan Muda Negeri;
- i) Seorang (1) Timbalan Ketua Wanita Negeri;
- j) Ketua-ketua Cabang di dalam Negeri berkenaan;
- k) Anggota Parti yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen dari kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Negeri berkenaan;
- l) Ahli-ahli Majlis Pimpinan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, dengan syarat jumlah perlantikan adalah:
  - (i) tidak melebihi lima (5) orang; dan
  - (ii) tidak melebihi satu pertiga (1/3) jumlah Cabang di dalam sesebuah Negeri.

- 27.4. Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, tiga (3) orang Naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri, Bendahari Majlis Pimpinan Negeri, Ketua Penerangan Negeri, Ketua Setiausaha Pengelola Negeri dan Ahli-ahli Majlis Pimpinan Negeri menurut Fasal 27.3(l) hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri setelah berunding dengan Ketua-ketua Cabang di dalam Negeri berkenaan dan akan memegang jawatan selama tempoh khidmat Majlis Pimpinan Negeri kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri.
- 27.5. Perlantikan Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri dan Naib-naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri yang disebut dalam Fasal 27.4 perlu dipersetujui oleh Presiden.
- 27.6. Ketua Cabang boleh melantik wakil bagi menggantikan tempatnya jika dia tidak boleh hadir satu-satu mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri. Wakil itu hendaklah daripada kalangan pemegang jawatan utama Cabang berkenaan dan mempunyai hak dan kuasa yang sama dengan Ketua Cabang dalam mesyuarat yang diwakilinya itu.
- 27.7. Jawatan mana-mana Ahli Majlis Pimpinan Negeri adalah tidak kosong disebabkan oleh seseorang anggota itu dilantik pegawai mengikut 27.4.
- 27.8. Ketua Angkatan Muda Negeri dan Timbalan Ketua Angkatan Muda Negeri hendaklah dilantik mengikut Peraturan Angkatan Muda.
- 27.9. Ketua Wanita Negeri dan Timbalan Ketua Wanita Negeri hendaklah dilantik mengikut Peraturan Wanita.
- 27.10. Selain jika diperuntukkan oleh Perlembagaan ini, tempoh khidmat Majlis Pimpinan Negeri adalah mengikut tempoh Majlis Pimpinan Pusat atau sehingga Majlis Pimpinan Negeri yang baru dilantik.

## **FASAL 28 : MESYUARAT MAJLIS PIMPINAN NEGERI**

- 28.1. Majlis Pimpinan Negeri hendaklah mengadakan mesyuaratnya:



- a) Sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan; atau
  - b) Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri; atau
  - c) Dengan permintaan bertulis daripada satu pertiga (1/3) daripada keseluruhan Ahli Majlis Pimpinan Negeri; atau
  - d) Dengan kehendak Presiden.
- 28.2. Notis mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat itu. Jika Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri tidak mengeluarkan notis, maka pihak yang memanggil mesyuarat itu hendaklah mengeluarkan notis.
- 28.3. Korum mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri adalah tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah Ahli Majlis Pimpinan Negeri.
- 28.4. Mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, atau oleh Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri semasa ketiadaan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, atau salah seorang Naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri semasa ketiadaan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri dan Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri. Semasa ketiadaan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri, Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri dan semua Naib Majlis Pimpinan Pengerusi, maka salah seorang daripada Ahli Majlis Pimpinan Negeri yang hadir itu boleh mempengerusikan mesyuarat.

## **FASAL 29 : KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS PIMPINAN NEGERI**

- 29.1. Dengan tidak menjejaskan kuasanya menurut Fasal 27.1, kuasa dan tanggungjawab Majlis Pimpinan Negeri adalah termasuk berikut:
- a) Mengatur dan menyelaraskan perjalanan Cabang-cabang dalam sesebuah Negeri.
  - b) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Negeri, biro dan jawatankuasa kecil bagi melaksanakan tugas atau aktiviti yang dianggap perlu di peringkat Negeri.
  - c) Menjalankan urusan kewangan Majlis Pimpinan Negeri seperti yang diperuntukkan Fasal 14 dan Fasal 15.
  - d) Memilih anggota-anggota bagi mewakili Parti di dalam sebarang kumpulan atau lembaga di peringkat Negeri.
  - e) Menyelesaikan sebarang masalah berbangkit di dalam Cabang dengan kehendak Majlis Pimpinan Pusat.
  - f) Mencadangkan calon-calon dan kawasan-kawasan bagi Pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undang Negeri, serta membuat persiapan jentera Parti menghadapi Pilihanraya.
  - g) Memutuskan calon-calon bagi jawatan-jawatan politik di peringkat Negeri kecuali Majlis Pimpinan Pusat memutuskan sebaliknya.

## **FASAL 30 : KONVENSYEN NEGERI**

- 30.1. Majlis Pimpinan Negeri boleh mengadakan konvensyen di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya sekali setahun yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Cabang-cabang. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menentukan syarat-syarat dan perkara-perkara lain berhubung dengan konvensyen itu.



**FASAL 31 : PEJABAT MAJLIS PIMPINAN NEGERI**

- 31.1. Pejabat Majlis Pimpinan Negeri hendaklah ditempatkan di pusat pentadbiran Parti di peringkat Negeri itu atau di mana-mana juga tempat yang ditentukan oleh Majlis Pimpinan Negeri berkaitan.
- 31.2. Setiausaha Majlis Pimpinan Negeri adalah pegawai utama mentadbir Pejabat Majlis Pimpinan Negeri.

**BAHAGIAN X**  
**CABANG**

**FASAL 32 : PENUBUHAN CABANG**

- 32.1. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menubuhkan sebuah Cabang di setiap kawasan Pilihanraya Dewan Rakyat, tertakluk kepada kelulusan bertulis Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Cabang-cabang yang didaftarkan sedemikian adalah cawangan parti bagi maksud Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335).
- 32.2. Jumlah minima anggota yang diperlukan untuk menubuhkan sesuatu Cabang dan mengesahkan kewujudan Cabang tersebut ialah seramai seratus (100) orang.
- 32.3. Majlis Pimpinan Pusat boleh meluluskan peraturan untuk memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran organisasi parti di peringkat Cabang.
- 32.4. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menggantung atau membubarkan Cabang dan/atau Jawatankuasa masing-masing jika perlu, dan mengambilalih pengurusan Cabang tersebut serta menentukan penubuhan semula dan/atau pemilihan Jawatankuasa yang baru.

**FASAL 33 : KUASA DAN KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG CABANG**

- 33.1. Mesyuarat Agung Cabang adalah badan tertinggi Parti di peringkat Cabang, dan perjalanan Parti di peringkat Cabang adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan ini.
- 33.2. Semua anggota yang berdaftar di sesuatu Cabang dan menjelaskan yuran menurut Fasal 10.1 dan Fasal 10.2 layak menghadiri Mesyuarat Agung Cabang.

**FASAL 34 : MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CABANG**

- 34.1. Mesyuarat Agung Tahunan Cabang hendaklah diadakan sekali setahun sebelum Kongres Nasional Tahunan pada tempoh waktu yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 34.2. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Cabang hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Cabang tidak kurang daripada empat belas hari (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu. Jika Setiausaha Cabang tidak mengeluarkan notis dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat, Mesyuarat Agung Tahunan Cabang itu hendaklah dipanggil oleh Presiden atau orang yang dilantik olehnya.

**FASAL 35 : MESYUARAT AGUNG KHAS CABANG**

- 35.1. Mesyuarat Agung Khas Cabang hendaklah diadakan apabila berlaku salah satu daripada perkara berikut:
- a) Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa Cabang.
  - b) Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya lima puluh (50) anggota Cabang atau sepuluh peratus (10%) daripada jumlah anggota Cabang, yang mana jumlah lebih tinggi.



c) Dengan kehendak dan arahan Majlis Pimpinan Pusat atau Presiden.

35.2. Notis Mesyuarat Agung Khas Cabang hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Cabang tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas Cabang itu. Jika Setiausaha Cabang tidak mengeluarkan notis dalam tempoh empat belas hari (14) hari selepas permohonan mengikut Fasal 35.1 diterima, maka Mesyuarat Agung Khas Cabang itu hendaklah dipanggil oleh Majlis Pimpinan Pusat.

### **FASAL 36 : KORUM MESYUARAT AGUNG CABANG**

36.1. Korum bagi Mesyuarat Agung Cabang ialah lima puluh (50) atau satu per tiga (1/3) daripada jumlah anggota yang berdaftar di sesuatu Cabang, mengikut mana yang terendah.

### **FASAL 37 : KOMPOSISI JAWATANKUASA CABANG**

37.1. Jawatankuasa Cabang adalah badan yang menjalankan pentadbiran hal-ehwal parti di peringkat Cabang di bawah kekuasaan dan perintah Kongres Nasional, Majlis Pimpinan Pusat dan Mesyuarat Agung Cabang.

37.2. Jawatankuasa Cabang mempunyai kuasa menjalankan langkah bagi pihak Mesyuarat Agung Cabang di mana segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Mesyuarat Agung Cabang.

37.3. Jawatankuasa Cabang hendaklah terdiri daripada:

- a) Seorang (1) Ketua Cabang;
- b) Seorang (1) Timbalan Ketua Cabang;
- c) Lima (5) orang Naib Ketua Cabang termasuk Ketua Angkatan Muda Cabang dan Ketua Wanita Cabang;
- d) Seorang (1) Setiausaha Cabang;
- e) Seorang (1) Bendahari Cabang;
- f) Seorang (1) Ketua Penerangan Cabang;
- g) Seorang (1) Setiausaha Pengelola Cabang;
- h) Tidak kurang daripada lima (5) dan tidak lebih daripada dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Cabang;

37.4. Ketua Cabang, Timbalan Ketua Cabang, seorang (1) Naib Ketua Cabang, dan tidak kurang daripada (5) orang dan tidak lebih daripada lima belas (15) Ahli Jawatankuasa Cabang hendaklah dipilih oleh anggota Cabang berkenaan melalui pemilihan Parti.

37.5. Ketua Angkatan Muda Cabang dan Ketua Wanita Cabang hendaklah dipilih mengikut Peraturan Angkatan Muda dan Peraturan Wanita.

37.6. Dua (2) Naib Ketua Cabang, Setiausaha Cabang, Bendahari Cabang, Ketua Penerangan Cabang, Setiausaha Pengelola Cabang dan tidak lebih daripada lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Cabang hendaklah dilantik oleh Ketua Cabang dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh khidmat Jawatankuasa Cabang, kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Cabang.

37.7. Jawatan mana-mana Ahli Jawatankuasa Cabang adalah tidak kosong disebabkan oleh seseorang anggota itu dilantik pegawai mengikut Fasal 37.6.



- 37.8. Selain jika diperuntukkan oleh Perlembagaan ini, tempoh khidmat untuk Jawatankuasa Cabang adalah satu penggal iaitu tiga tahun (3) atau sehingga Jawatankuasa Cabang yang baru dipilih.
- 37.9. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Ketua Cabang, maka Timbalan Ketua Cabang akan memenuhi kekosongan itu.
- 37.10. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Timbalan Ketua Cabang, maka Jawatankuasa Cabang bolehlah melantik salah seorang daripada Naib Ketua Cabang untuk memenuhi kekosongan itu.
- 37.11. Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Naib Ketua Cabang yang dipilih menurut Fasal 37.4, maka Jawatankuasa Cabang bolehlah melantik salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Cabang untuk memenuhi kekosongan itu.
- 37.12. Jika 2/3 daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Cabang berhenti serentak, maka Majlis Pimpinan Pusat bolehlah menggunakan kuasanya menurut dalam Fasal 32.4.
- 37.13. Mana-mana Ahli Jawatankuasa Cabang yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Cabang sebanyak enam (6) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Cabang dan Jawatankuasa Cabang atau Majlis Pimpinan Pusat berhak menguatkuasa Fasal ini.

### **FASAL 38 : MESYUARAT JAWATANKUASA CABANG**

- 38.1. Jawatankuasa Cabang hendaklah mengadakan mesyuaratnya:
- Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) bulan; atau
  - Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Cabang; atau
  - Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada semua Ahli Jawatankuasa Cabang; atau
  - Dengan kehendak Presiden.
- 38.2. Notis mesyuarat Jawatankuasa Cabang hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Cabang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat itu. Jika Setiausaha Cabang tidak mengeluarkan notis, maka pihak yang memanggil mesyuarat itu hendaklah mengeluarkan notis.
- 38.3. Mesyuarat Jawatankuasa Cabang hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Cabang, atau oleh Timbalan Ketua Cabang semasa ketiadaan Ketua Cabang, atau oleh salah seorang Naib semasa ketiadaan Ketua Cabang dan Timbalan Ketua Cabang. Semasa ketiadaan Ketua Cabang, Timbalan Ketua Cabang dan semua Naib Ketua Cabang, maka salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Cabang yang hadir itu boleh mempengerusikan mesyuarat.
- 38.4. Korum mesyuarat Jawatankuasa Cabang adalah tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Cabang.

### **FASAL 39 : KUASA DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CABANG**

- 39.1. Dengan tidak menjejaskan kuasanya menurut Fasal 37.1 dan Fasal 37.2, tanggungjawab, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Cabang adalah termasuk berikut:
- Mengawasi pentadbiran dan membantu menyelesaikan masalah-masalah Cabang serta berusaha memantapkan perpaduan dan meningkatkan keberkesanan organisasi Cabang.



- b) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Cabang, biro dan jawatankuasa kecil bagi melaksanakan tugas atau aktiviti yang dianggap perlu di peringkat Cabang.
- c) Merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti Cabang dalam masyarakat dan anggota-anggota Parti dalam Cabang.
- d) Menjalankan urusan kewangan Cabang seperti yang diperuntukkan Fasal 14 dan Fasal 15.
- e) Menyimpan rekod-rekod Cabang, termasuklah Daftar Anggota Cabang, Minit-minit mesyuarat dan laporan-laporan.
- f) Mencadangkan calon-calon bagi Pilihan Raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri atau mana-mana jawatan politik di semua peringkat di Cabang tersebut kepada Majlis Pimpinan Negeri untuk pertimbangan.
- g) Menubuhkan unit-unit operasi di dalam Cabang yang dikenali sebagai Ranting dan memastikan Ranting-ranting yang ditubuh itu disenaraikan dengan Ibu Pejabat.

#### **FASAL 40 : PEJABAT CABANG**

- 40.1. Pejabat Cabang bolehlah ditempatkan di mana-mana jua tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Cabang itu dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.
- 40.2. Setiausaha Cabang adalah pegawai utama mentadbir Pejabat Cabang.

### **BAHAGIAN XI DISIPLIN PARTI**

#### **FASAL 41 : LEMBAGA DISIPLIN**

- 41.1. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menubuhkan Lembaga Disiplin yang akan dianggotai oleh seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya enam (6) orang Ahli. Ahli-ahli Lembaga Disiplin mestilah terdiri daripada anggota Parti yang bukan dari kalangan Ahli Majlis Pimpinan Pusat.
- 41.2. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah merujuk sebarang aduan bertulis dari anggota Parti, Jawatankuasa Cabang, Majlis Pimpinan Negeri dan aduannya sendiri berhubung salah laku disiplin mana-mana anggota Parti kepada Lembaga Disiplin.
- 41.3. Lembaga Disiplin boleh memulakan siasatan terhadap salah laku disiplin mana-mana anggota Parti tanpa perlu aduan dari mana-mana pihak.
- 41.4. Setiap siasatan terhadap salah laku disiplin mana-mana anggota Parti dan cadangan keputusan oleh Lembaga Disiplin hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak lebih daripada tiga (3) bulan dari tarikh siasatan dimulakan.
- 41.5. Lembaga Disiplin hendaklah mengambil tindakan mengkaji, menyiasat dan mendengar aduan serta mencadangkan hukuman jika didapati bersalah sabit dari aduan-aduan yang didakwa. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa atau memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk membantu menjalankan tugasnya.
- 41.6. Majlis Pimpinan Pusat berhak menggantung keanggotaan mana-mana anggota atau melarang anggota tersebut dari memegang jawatannya secara sementara sehingga keputusan dicadangkan oleh Lembaga Disiplin.



- 41.7. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa menentukan sebarang hukuman seperti memecat atau menggantung keanggotaan, atau melucut atau menggantung jawatan atau apa-apa jenis hukuman yang difikirkan sesuai terhadap anggota yang sabit kesalahan disiplin sama ada dengan cadangan keputusan oleh Lembaga Disiplin atau dengan keputusannya sendiri.
- 41.8. Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan keputusan tersebut secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh keputusan dibuat kepada pengadu dan anggota yang diadu.

#### **FASAL 42 : RAYUAN**

- 42.1. Mana-mana anggota yang dijatuhkan hukuman disiplin boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Majlis Pimpinan Pusat dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima surat keputusan dari Setiausaha Agung.
- 42.2. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah mendengar satu-satu rayuan atau menubuhkan jawatankuasa khas rayuan seberapa yang perlu untuk mendengar rayuan-rayuan untuk dipertimbangkan Majlis Pimpinan Pusat. Jawatankuasa khas rayuan ini hendaklah terdiri dari tiga (3) orang Ahli Majlis Pimpinan Pusat.

#### **FASAL 43 : PERATURAN, TATACARA, GARIS PANDUAN DAN TATAETIKA ANGGOTA BERHUBUNG DISIPLIN PARTI**

- 43.1. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa merangka, menggubal serta meluluskan sebarang Peraturan Tetap, Tatacara atau Prosedur, Garis Panduan dan/atau Tataetika Anggota yang akan digunakan oleh Lembaga Disiplin dalam menjalankan tugas mereka.
- 43.2. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Parti dari masa ke semasa, yang di antara lain melarang penyalahgunaan kuasa dan penggunaan sogokan dalam apa jua bentuk, dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya tidak mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan Parti.

#### **FASAL 44 : LARANGAN MEMBAWA PERKARA PARTI KE MAHKAMAH**

- 44.1. Tiada seorang anggota yang boleh membawa apa-apa perkara Parti ke mana-mana mahkamah. Sekiranya berbuat demikian, maka keanggotaannya tergugur secara automatik.

### **BAHAGIAN XII**

#### **PERUNTUKAN AM**

#### **FASAL 45 : PERLANTIKAN DAN PERLUCUTAN JAWATAN**

- 45.1. Melainkan jika diperuntukkan dalam Perlembagaan ini, pihak yang berkuasa melantik juga berkuasa melucut pihak yang dilantiknya.
- 45.2. Anggota yang telah sabit kesalahan disiplin dan digantung keanggotaannya, maka apa-apa jawatan yang disandangnya adalah terlucut secara automatik.
- 45.3. Penggantungan jawatan akibat hukuman disiplin tidak menyebabkan jawatan itu kosong. Anggota yang berkenaan akan memegang semula jawatan yang disandangnya bila statusnya dipulihkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.

#### **FASAL 46 : PERATURAN PERSIDANGAN DAN MESYUARAT**

- 46.1. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa membuat Peraturan Persidangan bagi Kongres Nasional.





- 46.2. Peraturan Persidangan bagi Kongres Nasional hendaklah diterimapakai untuk Mesyuarat Agung Parti di semua peringkat.
- 46.3. Jika terjadi seseorang anggota memegang lebih dari satu jawatan dalam satu-satu badan Parti atau jawatankuasa, maka hak undinya hendak dikira satu dan jawatan-jawatan yang lebih itu tidak boleh diganti oleh mana-mana orang.
- 46.4. Presiden berkuasa memendekkan tempoh notis mana-mana persidangan dan mesyuarat dalam Parti di semua peringkat Parti sekiranya difikirkan wajar berbuat demikian.
- 46.5. Jika selain diperuntukkan oleh Perlembagaan ini atau ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat atau ditetapkan oleh pihak yang menubuhkan satu-satu jawatankuasa dalam Parti, korum untuk mesyuarat bagi jawatankuasa itu hendaklah ditetapkan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

#### **FASAL 47 : PEMILIHAN PARTI**

- 47.1. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Pusat yang hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan sekurang-kurangnya enam (6) orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Pimpinan Pusat dari kalangan anggota Parti bagi menjalankan dan mengawal selia pemilihan Parti.
- 47.2. Pemilihan Parti hendaklah merujuk kepada pemilihan bagi jawatan-jawatan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini atau yang ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 47.3. Selain jika diperuntukkan oleh Perlembagaan ini, Pemilihan Parti hendaklah dipanggil oleh Majlis Pimpinan Pusat setiap tiga (3) tahun sekali. Majlis Pimpinan Pusat boleh mengawalkannya atau menangguhkannya bagi suatu tempoh tidak lebih dari lapan belas (18) bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan.
- 47.4. Notis pemilihan Parti hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung. Jika Setiausaha Agung tidak mengeluarkan notis, maka Presiden hendaklah mengeluarkan notis dan jika Presiden tidak mengeluarkan notis, maka Pengerusi Tetap hendaklah mengeluarkan notis bagi pemilihan Parti itu.
- 47.5. Majlis Pimpinan Pusat berkuasa membuat Peraturan Pemilihan bagi memastikan kesempurnaan perjalanan pemilihan Parti.

#### **FASAL 48 : MEMINDA PERLEMBAGAAN**

- 48.1. Perlembagaan ini atau mana-mana bahagian daripadanya boleh dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujui di dalam Kongres Nasional Tahunan atau Kongres Nasional Khas oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah perwakilan yang hadir dan mengundi dalam mana-mana Kongres Nasional tersebut. Cadangan pindaan yang diluluskan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan meminda Perlembagaan diluluskan.
- 48.2. Cadangan-cadangan pindaan kepada Perlembagaan yang dikemukakan oleh Majlis Pimpinan Pusat boleh dipinda oleh ahli-ahli Kongres Nasional dengan syarat hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Agung, empat belas (14) hari sebelum Kongres Nasional itu diadakan. Cabang-cabang boleh mengemukakan cadangannya sendiri untuk meminda Perlembagaan dengan syarat mengemukakannya terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung tidak kurang dari empat belas (14) hari sebelum tarikh Kongres Nasional itu.
- 48.3. Sebarang pindaan kepada Perlembagaan hanya boleh dikuatkuasakan setelah diperolehi kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.





**FASAL 49 : TAFSIRAN**

- 49.1. Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Perlembagaan ini atau Peraturan Tetap bagi Kongres Nasional parti yang dibuat di bawah kuatkuasanya, maka tafsiran yang diberikan oleh Majlis Pimpinan Pusat adalah muktamad.


**FASAL 50 : PEMBUBARAN PARTI**

- 50.1. Parti hanya boleh dibubarkan dengan keputusan melebihi dua pertiga (2/3) dalam referendum anggota Parti.



## LAMPIRAN A

### Ukuran Bendera dan Lambang Parti



Unit merujuk kepada unit pengukuran yang digunakan.

### Kod Warna Lambang Parti

#### KOD WARNA LAMBANG PARTI

Bahan cetak	C 100 M 0 Y 0 K 0 Pantone Process Cyan TRUMATCH 30-a	C 0 M 100 Y 100 K 0 Pantone 485 / DS 73-1 TRUMATCH 6-a
Paparan skrin	R 0 G 174 B 239	R 255 G 0 B 0



### Lambang Parti – Hitam dan Putih



### Kod Warna

#### KOD WARNA



Bahan cetak C 0  
M 0  
Y 0  
K 70  
Pantone 424 / DS 325-3

Paparan skrin R 109  
G 110  
B 113



C 0  
M 0  
Y 0  
K 30  
Pantone Cool Gray 4 /

R 188  
G 190  
B 192

